

PM tidak pernah kemuka senarai calon

PRESIDEN Umno, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, tidak pernah mengemukakan senarai calon untuk disokong atau ditentang dalam pemilihan pucuk pimpinan di Perhimpunan Agung Umno bulan depan.

Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba, berkata sebaliknya beliau dan Perdana Menteri mengamalkan sikap terbuka dan memberi kebebasan sepenuhnya kepada perwakilan untuk memilih calon yang mereka sukai.

"Kami tidak pernah membuat senarai seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak dan jika ada, senarai itu adalah palsu," katanya ketika merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Kuala

KUALA TERENGGANU, Jumaat

Terengganu di sini, hari ini.

Encik Ghafar berkata, jika beliau dan Datuk Seri Dr. Mahathir menetapkan calon untuk disokong, mungkin calon yang tidak ada dalam senarai berkecil hati.

Mungkin juga calon yang termasuk dalam senarai akan berbangga kerana pencalonannya mendapat restu Presiden Umno sendiri, katanya.

Dikritik

Beliau juga meyelar sebilangan pemimpin Umno yang pernah menganggotai kerajaan mengkritik projek-projek besar kerajaan yang mereka persetujui sebelum ini.

Projek-projek seperti kereta nasional, Dayabumi dan Jambatan

Pulau Pinang sudah dipersetujui oleh semua pihak termasuk golongan berkenaan tetapi kini mereka pula menentangnyanya.

"Sikap begini tidak baik dan patut dihentikan kerana ia boleh menjejaskan keutuhan dan kepercayaan Umno dan kerajaan," katanya.

Beliau juga tidak mahu projek besar Empangan Bakun di Sarawak yang dicadangkan itu dijadikan sasaran kritik setelah ia siap kelak.

"Jika ada yang tidak setuju, kritikalah sekarang dan jangan setelah projek itu siap," katanya.

Timbalan Perdana Menteri juga menafikan dakwaan kononnya era pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir menyebabkan tidak ramai pelabur asing berminat melaburkan di negara ini.

"Bukti-bukti menunjukkan nilai pelaburan tahun lalu adalah yang paling tinggi sejak tahun 1971 dan lebih tinggi berbanding sesetengah negara jiran," katanya.

Beliau berkata, dari tahun 1976 hingga 1980, hanya \$81,000 juta sahaja nilai pelaburan asing di negeri ini tetapi angka kini meningkat kepada \$275,000 juta tahun 1981 hingga 1986.

"Ini membuktikan pelabur asing masih menganggap Malaysia sebagai negara terbaik dan boleh dipercayai," tegasnya.

Encik Ghafar tidak menafikan hutang negara masih banyak, tetapi pembayarannya dapat dijelaskan mengikut jadual.

Malaysia, katanya tidak banyak menggunakan pendapatan negara untuk melunaskan hutang luar dan sehingga ini hanya 6.7 peratus daripada pendapatan negara digunakan untuk tujuan itu.

Peratus ini jauh lebih rendah berbanding negara-negara jiran iaitu Filipina (43 peratus), Indonesia (15 peratus) dan Thailand (11 peratus), katanya.